

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
22 NOVEMBER 2022**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Norliza Binti Abdullah berkelulusan Diploma Lanjutan Perancangan Bandar Dan Wilayah dari Universiti Teknologi Mara telah dilantik menjadi Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J54 di Jabatan Perancang Bandar, berkuatkuasa 1 November 2022 sehingga 31 Oktober 2024. Berpengalaman sebagai Pengarah Perancang Bandar di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Selamat datang Kembali.

**2. MBSP BERJAYA MERANGKUL TEMPAT KEDUA DALAM  
ANUGERAH NATIONAL SCROLL OF HONOUR AWARD FOR  
HUMAN SETTLEMENTS**

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Landskap MBSP yang telah berjaya merangkul tempat kedua dalam Anugerah *National Scroll Of Honour Award For Human Settlements 2022* Sempena Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia oleh Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan Malaysia yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya.

Projek Lingkaran Bougainvillea, Bandar Perda, Bukit Mertajam telah dicalonkan untuk menyertai anugerah ini dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sehingga berjaya memenangi tempat kedua. Antara kriteria penting untuk mencapai anugerah ini ialah projek yang dihasilkan memberi impak kepada pembangunan kawasan persekitaran tempat tinggal serta menjadi pengerak dalam menangani krisis dan juga merancang masa depan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan hijau.

### **3. MBSP TELAH MEMENANGI GOLD MEDAL AWARD OLEH ICQCC (INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bersama Bahagian Kerajaan Tempatan dan juga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di dalam satu kumpulan telah memenangi *Gold Medal Award* melalui Program *Penang Smart Parking* yang telah diadakan di International Convention on QC Circles 2022 di Jakarta, Indonesia yang berlangsung pada 15 November 2022 hingga 18 November 2022.

Ini adalah merupakan kejayaan / anugerah yang diterima di peringkat antarabangsa. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

#### **4. PROGRAM “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2023 & MENANG!!!” BAGI BIL CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2023**

Promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2023 & MENANG !!!**” bagi bil cukai taksiran penggal 1/2023 bermula pada 1 Disember 2022 dan tamat pada 28 Februari 2023. Promosi ini diadakan sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (online) atau melalui kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik oleh MBSP. Syarat-syarat penyertaan bagi promosi kali ini adalah seperti berikut:-

- a. Cukai taksiran setahun 2023 hendaklah dijelaskan sepenuhnya berserta tunggakan jika ada melalui **saluran dalam talian (online), kiosk atau agensi kutipan yang dilantik sahaja.**

b. **TIDAK LAYAK** bagi pembayaran di semua kaunter bayaran MBSP termasuk kaunter cawangan.

c. Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2022 hingga 28 Februari 2023.

**Empat puluh (40)** hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan adalah seperti berikut :

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-6 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada bulan Mac 2023 nanti. Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat penyertaan, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian **04-5497470/ 471/ 697/ 696** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

Senarai saluran pembayaran yang telah disediakan adalah seperti berikut:-

1. Aplikasi baharu MBSP iaitu ASPIRE Seberang Perai. Muat turun di Google Play Store, Apple App Store & Huawei AppGallery atau <https://aspire.mbsp.gov.my>
2. Laman web MBSP atau <https://mbsppay.mbsp.gov.my>
3. Portal eBayar Penang: <https://ebayar.penang.gov.my>
4. Portal Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan: <https://pbtpay.kpkt.gov.my>
5. Perbankan Internet (12 saluran):
  - i. Bank Islam Malaysia Berhad
  - ii. Maybank
  - iii. Ambank
  - iv. RHB Bank
  - v. BSN
  - vi. Affin Bank
  - vii. Public Bank
  - viii. Bank Muamalat
  - ix. CIMB Bank
  - x. HSBC
  - xi. MBF Cards (Ambank)
  - xii. JomPAY – Biller Code 5322
6. Kiosk Payquik (PayLink Global) Seluruh Malaysia
7. Aplikasi BOOST, Shopee & Touch n Go eWallet
8. Semua kedai 7 Eleven seluruh Malaysia
9. Pos Online: [www.posonline.com.my](http://www.posonline.com.my)

10. Senarai agensi kutipan kaunter yang sah dilantik MBSP seperti berikut :-

1. Kaunter Majlis Bandaraya Pulau Pinang
2. Kaunter Bank Rakyat
3. Kaunter Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
4. Kaunter Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)

#### **5. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2022**

Dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat alamat e-mel dan nombor telefon bimbit akan mula menerima *CyberBill* cukai taksiran bil penggal pertama tahun 2023 melalui sms dan e-mel di antara **28 November 2022 hingga 2 Disember 2022**. Manakala bagi yang belum mendaftar *CyberBill*, pemilik premis akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai **1 Disember 2022**. Pembayaran cukai taksiran perlu dijelaskan sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 Februari 2023**.

Adalah dinasihatkan kepada pemilik yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan

kadar SEGERA memandangkan tiada lagi bil fizikal yang akan dikeluarkan pada penghantaran bil cukai taksiran akan datang secara berperingkat.

Walaupun negara telah memasuki fasa Endemik Covid 19, usaha-usaha bagi mengekang penularan wabak tetap diteruskan di MBSP. MBSP amat menggalakkan supaya pemilik premis menyemak atau membuat bayaran secara dalam talian (online) melalui saluran-saluran yang telah disediakan disamping melayakkan mereka menyertai promosi yang telah diadakan setiap tahun.

Adalah disarankan supaya pemilik premis di seluruh Seberang Perai segera memuat turun aplikasi ASPIRE Seberang Perai untuk tujuan menerima bil cukai taksiran terkini secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan.

Sila hubungi helpdesk cukai taksiran di talian 04-5497470 / 471 / 696 / 697 untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran cyberbill serta pertanyaan bil cukai taksiran anda atau emel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

## **6. PROGRAM PENGURANGAN KOMPAUN**

Dimaklumkan MBSP mengadakan Promosi Pengurangan Kompaun bersempena sambutan Hari Bandaraya kali ke-3 pada tahun 2022. Promosi telah berlangsung mulai 16 September 2022 sehingga 31 Disember 2022, promosi pengurangan kompaun adalah serendah RM10.00. Sila rebut peluang ini untuk menjelaskan kompaun tertunggak belum dijelaskan melalui saluran bayaran atas talian MBSP yang telah disediakan:

- a. MBSP Pay
- b. PBT Pay
- c. Aplikasi ASPIRE
- d. Aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP)
- e. Aplikasi *Boost*
- f. Kaunter Bayaran MBSP

## **7. PERTANDINGAN FOTOGRAFI BERSAMA WARGA SEBERANG PERAI SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI PROGRAM PLANTING HOURS**

Pertandingan fotografi telah diadakan bermula 24 September 2022 sehingga 7 Oktober 2022. Jumlah penyertaan adalah sebanyak 80 peserta untuk keseluruhan kategori.

Hadiah fotografi yang paling kreatif adalah seperti berikut:



- Pertama: Wang Tunai RM1000 dan Sijil Penghargaan
- Kedua: Wang Tunai RM700 dan Sijil Penghargaan
- Ketiga: Wang Tunai RM400 dan Sijil Penghargaan
- Saguhati: Wang Tunai RM100 x 7 dan Sijil Penghargaan

Berikut merupakan senarai pemenang mengikut kategori yang telah dijalankan :

a) Kumpulan Remaja & Belia (Lelaki & Wanita berumur 13-30 tahun)

- i. **Pertama** : Aliana Maisarah Binti Ramlan
- ii. **Kedua** : Nurul Alia Syahirah Binti Hasrol
- iii. **Ketiga** : Mazliyana Binti Ahmad
- iv. **Saguhati** : Nur Alissya Sofea Binti Mohd Sapawi
- v. **Saguhati** : Nur Auni Syifa Binti Mod Saeran
- vi. **Saguhati** : Nur Ajlaa Najmin Binti Noor Nizar
- vii. **Saguhati** : Hadif Bin Abdul Latif
- viii. **Saguhati** : Lee Huei
- ix. **Saguhati** : Nurin Wahiza Binti Abd Razak
- x. **Saguhati** : Noradawiyah Binti Nordin

b) Kumpulan Dewasa (Lelaki & Wanita berumur 31-59 tahun)

- i. **Pertama** : Roslina Binti Mohd Shariff
- ii. **Kedua** : Nooraini Binti Mohd Zainul
- iii. **Ketiga** : Hasmidi Bin Ismail
- iv. **Saguhati** : Siti Haslinda Binti Hasan
- v. **Saguhati** : Azliza Binti Ahmad
- vi. **Saguhati** : Shahnolhadi Bin Ahmad
- vii. **Saguhati** : Illiana Syahmun Binti Mohd Razally
- viii. **Saguhati** : Tamilarasen A/L Samy
- ix. **Saguhati** : Intan Mastura Binti Abd Razak
- x. **Saguhati** : Nganeshwary A/P Rangasamy

c) Kumpulan Warga Emas (Lelaki & Wanita berumur 60 tahun dan ke atas)

- i. **Pertama** : Normala binti Mohd Noor
- ii. **Kedua** : Norma Binti Ahmad

Wang tunai akan disalurkan terus secara EFT & sijil akan diposkan kepada pemenang. Senarai pemenang juga akan dipamerkan di **Facebook** MBSP.

## **8. SAMBUTAN HARI NATAL**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2022 (Ahad) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**